

Islam utama keselamatan

■ Memelihara nyawa manusia antara maqasid syariah

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

Apabila kita berada di jalan raya, kita perlu sedar mengenai banyak perkara yang perlu kita hadapi dengan tertib. Kita bukan saja perlu menjaga diri, malah turut berke-wajipan menjaga keselamatan orang lain.

Hakikatnya ketika di jalan raya kita semua berkongsi kemudahan yang sama dan tujuan sama iaitu ingin selamat sampai ke destinasi dituju.

Jalan raya bukan tempat untuk kita menunjukkan kehebatan diri dengan pelbagai aksi berbahaya. Ia bukan medan untuk memilih jaguh hebat dan mampu menundukkan pengguna jalan raya yang lain.

Oleh itu, amat tidak wajar bagi mana-mana pihak sama ada individu ataupun kumpulan untuk menyalahgunakan jalan raya.

Jika dulu, selalunya kita menyaksikan kemalangan negeri pada musim perayaan dek masing-masing mahu sampai ke kampung halaman dengan secepat kilat, tetapi hari ini ia berlaku tanpa menunggu musim perayaan.

Islam adalah agama yang amat mementingkan soal nyawa. Pemeliharaan nyawa manusia termasuk dalam salah satu daripada maqasid syariah yang perlu dititikberatkan tanpa sebarang kompromi.

Justeru, amat wajar bagi setiap Muslim berhati-hati ketika berada di jalan raya. Bukanlah bermakna jalan raya kita pada hari ini tidak selamat, namun sikap sesetengah daripada kita yang menjadi punca berlakunya banyak kemalangan maut.

Sekiranya kita gagal untuk menjaga nyawa kita dan orang lain dengan melakukan perbuatan yang boleh mengorbankan nyawa, ia bererti kita melakukan perkara yang membinasakan diri kita sendiri dan orang lain.

Allah berfirman, maksudnya: "Dan belanjakanlah (apa yang ada



TERTIB dan bertolak ansur di jalan raya dapat mengelak kemalangan.

pada kamu) kerana agama Allah dan janganlah kamu sengaja men-campakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu, kerana sesungguhnya Allah menga-sih orang yang berusaha mem-perbaiki amalannya." (Surah al-Baqarah, ayat 195)

Dalam ayat berkenaan, Allah me-larang kita melakukan perbuatan yang boleh membinasakan diri sendiri. Selain itu, kita juga dituntut untuk sentiasa memperbaiki ama-lan kita. Inilah yang perlu kita ingat,

usah sesekali melakukan perkara yang membahayakan diri ketika di jalan raya, sebaliknya sen-tiasa memperbaiki tata-cara pemanduan kita agar ia dapat me-ngelakkan diri da-ri-ri-pada terbabat da-lam perkara tidak diingini.

Setiap tindakan kita yang mengikut garis panduan syariat dikira sebagai ibadat. Lihat saja bagaimana Islam mendidik kita agar tidak lupa untuk me-

manjatkan doa kepada Allah setiap kali ingin memulakan perja-lanan.

Tidak kira musafir ke tempat jauh ma-hupun dekat, ja-ngan kita lupa un-tuk memohon per-lindungan kepada Allah.

Firman-Nya bermaksud: "Dan Tuhan kamu berfir-man: Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan-

mu." (Surah Ghafir, ayat 60)

Dalam apa-apa keadaan seka-lipun, adab di jalan raya perlu di-utamakan. Rancanglah perjalanan dengan baik agar kita tidak ter-gesa-gesa ketika memandu. Pe-mandu secara tergesa-gesa ha-manya akan membahayakan diri sen-diri dan orang di sekeliling kita.

Kadangkala kita sendiri dapat menyaksikan betapa ada segelintir pemandu yang memintas kende-raan lain di tempat dilarang untuk memintas. Mereka menunjukkan keberanian bukan pada tempat-nya.

Sebagai pemandu yang berhe-mah, kita juga perlu bersifat tolak ansur ketika berada di jalan raya. Jangan kita merasakan jalan raya itu milik kita saja.

Apabila hendak memintas ken-deraan lain, kita hendaklah mem-beri isyarat kepada kenderaan lain agar tidak berlaku kemalangan. Kita juga perlu bijak dalam mem-baca isyarat yang diberikan oleh kenderaan lain ketika di jalan ra-ya.

Sebenarnya banyak yang kita pe-lajari mengenai peraturan di jalan raya ketika mula mengambil lesen dulu. Namun kerana sikap acuh tak acuh dan mementingkan diri, ada yang hilang pertimbangan ketika memandu tanpa memikirkan mu-sibahnya.

Marilah sama-sama kita menjadi pemandu berhemah. Kita menga-malkan sikap terpuji seperti ber-hati-hati, bersabar, bertolak ansur, berwaspada dan menjaga tertib apabila berada di jalan raya.

Ingatlah sabda Nabi SAW yang melarang tindakan memudaratkan orang lain: "Sesiapa yang mem-bawa mudarat, maka Allah akan memudaratkan dirinya sendiri. Se-siapa yang menyusahkan orang lain, Allah akan menyusahkannya pula." (Riwayat Abu Dawud)

**Penulis pensyarah
Universiti Sultan
Zainal Abidin**

FAKTA
Hakikatnya ketika di jalan raya kita semua berkongsi kemudahan yang sama